

# Pemberian Tabung Amanah Zakat & Tabung Amanah Khas oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

 Nurshuhada Hakimin

Pada 7 September 2009 bersamaan 17 Ramadhan 1430H yang merupakan Hari Nuzul Al-Quran, pihak pengurusan UniMAP telah meluluskan pemberian Tabung Amanah Zakat & Tabung Amanah Khas kepada pelajar UniMAP yang telah kehilangan ibu bapa untuk meringankan beban bagi menyambut kehadiran syawal yang bakal menjelang. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia iaitu Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin telah berbesar hati bagi menyampaikan Cek Tabung Amanah Zakat & Tabung Amanah Khas tersebut bersempena lawatan beliau ke UniMAP. Seramai 13 orang penerima Tabung Amanah Zakat dan 10 orang penerima Tabung Amanah Khas telah menerima sumbangan yang

disalurkan melalui tabung kebajikan UniMAP. Semoga dengan pemberian ikhlas dari pihak pengurusan UniMAP ini dapat membantu kesemua penerima Tabung Amanah Zakat & Tabung Amanah Khas meringankan sedikit beban bagi menyambut syawal yang akan menjelang tiba.

